

06 JAN 1997

Mahathir-Awam

KERAJAAN BANGGA MEMPUNYAI PERKHIDMATAN AWAM RESPONSIF KEPADA PERUBAHAN

KUALA LUMPUR, 6 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan bangga mempunyai perkhidmatan awam yang responsif kepada perubahan bagi meningkatkan kecekapan dalam pengurusan dan pentadbiran.

Beliau berkata: "Kualiti perkhidmatan awam memperlihatkan peningkatan yang membanggakan. Sikap penjawat awam terhadap peranannya dalam pembangunan negara secara jelas telah berubah."

Katanya penjawat awam juga makin faham bahawa keuntungan yang dijana oleh sektor swasta meningkatkan keupayaan negara untuk terus membangunkan berbagai-bagai projek sosio-ekonomi yang memberi manfaat kepada semua.

Dr Mahathir berkata kakitangan awam sudah menerima hakikat bahawa sektor swasta merupakan rakan kongsi utama dalam pembangunan negara dan adalah penting mereka sebagai pelanggan dilayan dengan baik.

"Perubahan persepsi merupakan faktor utama kepada pembentukan budaya baru iaitu budaya yang mementingkan perkhidmatan berkualiti kepada pelanggan," katanya semasa berucap pada majlis Anugerah Kualiti Perdana Menteri dan merasmikan Simposium Kebangsaan MS ISO 9000 di sini hari ini.

Beliau berkata hakikat bahawa proses pembentukan sikap dan budaya mengambil masa yang panjang dan ia mengalir secara perlahan keseluruhan peringkat anggota perkhidmatan awam sepatutnya menjadi pendorong utama kakitangan awam berusaha dengan lebih gigih dan berterusan.

Katanya banyak faktor yang diperlukan untuk menjayakan sesuatu kegiatan dan semua faktor mestilah diurus dan diusahakan dengan baik dan gigih bagi mencapai matlamat kecemerlangan.

"Kita tahu pentingnya pernyataan wawasan dan matlamat organisasi yang jelas. Ini perlu dibantu dengan perancangan yang strategik dan sistem pengurusan yang cekap dalam berbagai-bagai aspek seperti pengurusan sumber manusia, pengurusan kewangan dan pengurusan maklumat.

"Budaya kerja berkualiti dan mengamalkan nilai murni serta etika kerja prositif adalah penting dalam menuju kecemerlangan," katanya.

Perdana Menteri berkata sektor awam perlu menghargai sumbangan sektor swasta kepada pembangunan negara dan menerima hakikat bahawa sektor swasta menjadi penggerak utama pembangunan negara serta memainkan peranan yang penting dalam proses pemindahan khidmat kerajaan melalui penswastaan.

Kejayaan sektor swasta menerokai peluang-peluang pelaburan di luar negara, hasil daripada kecekapan pengurusan syarikat-syarikat berkenaan adalah juga hasil sokongan pentadbiran kerajaan dalam menyediakan persekitaran yang selesa, katanya.

"Saya yakin bahawa sektor swasta akan terus berkembang dan memainkan peranan penting dalam usaha kita mencapai wawasan negara. Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, pertumbuhan jumlah pelaburan dijangkakan sebanyak 5.6 peratus setahun dan sektor swasta diharap memainkan peranan yang sewajarnya dalam proses pertumbuhan ini," katanya.

Dr Mahathir berkata hakikat bahawa pembangunan mempunyai kosnya tersendiri harus diterima dan pengalaman negara maju menunjukkan betapa pembangunan yang pesat boleh menggugat pegangan kepada nilai-nilai murni.

Beliau berkata pengalaman negara maju hendaklah dijadikan pengajaran agar Malaysia lebih berhati-hati kerana gejala sosial seperti penagihan dadah, AIDS, pembuangan bayi, penderaan kanak-kanak dan gejala lepak sudah mula melanda masyarakat negara ini.

Katanya, tumpuan pembangunan ekonomi negara yang didorong oleh

teknologi dan produktiviti yang tinggi memerlukan usaha yang lebih gigih dalam meningkatkan kecekapan bekerja dan keberkesanan pengurusan serta usahaniaga.

"Seiring dengan itu, kita perlu mempercepatkan anjakan ke arah aktiviti yang memberi nilai tambah yang diasaskan kepada teknologi tinggi. Anjakan ini memerlukan kekuatan dalam bidang sains dan teknologi, penyelidikan dan pembangunan."

Beliau berkata potensi kemajuan teknologi maklumat yang berkembang dengan pesat harus dipergunakan sepenuhnya dan rakyat Malaysia seharusnya tidak berpuas hati semata-mata menjadi pengguna tetapi juga hendaklah menjadi pembekal aplikasi. -- BERNAMA

HS WAT NMO